

**JABATAN SENIBINA DALAMAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini disediakan


Oleh

NURROHAIZATEY MOHAMED ZAKI

bertajuk

**LAPORAN KAJIAN AKHIR CADANGAN MEREKA BENTUK RUANG DALAMAN BUTIK EVISU,
LG 13 –LG 15 ARAS BAWAH CINELEISURE,
DAMANSARA PETALING JAYA.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  .080409 Pn Siti Norsazlina Binti Harun
Koordinator Kursus : _____ Pn Azizah Md Ajis
Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd.
Rashid

(Tandatangan & Tarikh)

ABSTRAK

Pembentukan sesebuah rekabentuk adalah berdasarkan apa yang dilihat, dikaji dan penelitian yang tajam bagi menghasilkan rekabentuk yang berjaya. Ia harus dilihat dari pelbagai aspek luaran atau dalaman. Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat Diploma ini adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek reka bentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan reka bentuk. Projek yang telah dipilih adalah cadangan merekabentuk skema rekabentuk baru bagi butik Evisu di Cineleisure, Damansara. Evisu adalah produk denim yang berasal dari Jepun. Produk ini terkenal di seluruh dunia. Golongan muda di negara ini, ada daripada segelintir tidak mengetahui tentang jenama ini. Jenama ini mengkhususkan kepada barangan pakaian dan aksesori untuk lelaki dan wanita. Objektif rekabentuk bagi projek ini adalah memperluaskan lagi pengaruh jenama yang kurang dikenali di Malaysia ini juga memberikan kepuasan kepada mereka yang peka dengan perkembangan fesyen. Analisa tapak yang telah dijalankan juga mendapati lokasi yang dicadangkan amat strategik dan dipersetujui oleh klien. Lokasi yang menjadi tumpuan pelancong dan juga pengunjung tempatan terutamanya golongan muda menjadikan ianya faktor terbaik. Selepas menjalankan analisa terhadap bangunan yang dipilih, konsep rekabentuk dan imej yang diperlukan telah dikenalpasti sebagai panduan bagi memudahkan keseluruhan proses rekabentuk. Bagi projek ini, konsep 'Oddly Emphasis' dan imej adalah 'Deconstruction' telah dipilih bagi diaplikasikan di dalam merekabentuk butik ini. Kewujudan rekabentuk baru untuk butik yang dihasilkan nanti diharap dapat memberikan faedah kepada individu, samada tempatan mahupun orang asing.

Abstrak	i		
Penghargaan	ii		
Isi Kandungan	iii	-	viii
Senarai Rujukan	ix		
Senarai Rajah	x	-	xi
Senarai Jadual	xii		
Senarai Carta	xii		

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENDAHULUAN			1
1.1	PENGENALAN			1 - 2
1.2	OBJEKTIF KAJIAN	3		
1.3	MATLAMAT KAJIAN			4
1.4	METADOLOGI KAJIAN			4
1.5	SKOP KAJIAN			4
1.6	HALANGAN KAJIAN			5
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN			6
	1.7.1 Kepentingan Kepada Pelajar			6
	1.7.2 Kepentingan Kepada Klien			7
	1.7.3 Kepentingan Kepada Pengguna			7
BAB 2.0	KLIEN			8
2.1	LATAR BELAKANG			8
2.2	CARTA ORGANISASI			9
2.3	VISI DAN MISI KLIEN			9



BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan bagi projek akhir ini adalah salah satu syarat bagi memenuhi kehendak bagi pelajar yang mengambil kursus dalam Diploma Rekabentuk Dalaman di Universiti Teknologi MARA. Para pelajar telah dilatih dalam proses merekabentuk secara komprehensif, di mana pelajar diberikan tugas di dalam menyediakan skema rekabentuk berdasarkan kajian dan pemerhatian, seiring dengan isu semasa atau masalah rekabentuk yang timbul semasa proses merekabentuk. Laporan ini, adalah laporan bagi cadangan skema rekabentuk dalaman butik Evisu.

Perkara penting di dalam projek ini adalah memberikan imej supaya ianya bersesuaian dan seiring dengan jenama Evisu itu sendiri. Cadangan bagi imej produk Evisu ini, adalah salah satu pengenalan, tarikan dan kepuasan bagi para pelanggan serta masyarakat dalam mengenali produk ini, khususnya mereka yang peka terhadap perkembangan fesyen.

Setelah menjalankan kajian dan pemerhatian, produk Evisu ini tidak mempunyai butiknya sendiri di Malaysia. Pada masa kini, produk Evisu hanya dipasarkan di dalam pasaraya eksklusif dengan kuantiti serta rekaan yang terhad. Berdasarkan kajian yang dilakukan, produk Evisu menembusi pasaran serta butik di seluruh dunia seperti Los Angeles, London, China, Hong Kong, Indonesia, Singapore, Taiwan, Thailand serta lebih dari 50 buah butik di seluruh Jepun.

Butik Evisu ini adalah cadangan projek bagi tahun akhir dalam kursus Rekabentuk Dalaman. Butik Evisu ini adalah salah satu projek yang menyelesaikan keperluan atau syarat yang diperlukan bagi mereka yang meminati fesyen serta mementingkan kepuasan dan